

Kelebihan

Pensijilan Produk Kepada Industri

Tanda Jaminan

Memberi jaminan produk dihasilkan melalui sistem yang berkesan dengan melibatkan ujian, pemantauan kualiti dan kawalan yang berkesan

Meningkatkan Reputasi

Berupaya meningkatkan reputasi pengusaha serta meluaskan pasaran

Meningkatkan Kecekapan

Mengurangkan penolakan produk serta meningkatkan tahap kecekapan pengusaha dalam penghasilan produk yang berkualiti

Mematuhi Standard

Pengguna tidak perlu melakukan ujian terhadap produk kerana produk telah diperaku memenuhi keperluan standard

Kepercayaan Pengguna

Produk yang disijilkan memberi jaminan kualiti keselamatan dan kebolehpercayaan kepada pengguna

Menaikkan 'Branding'

Pelabelan produk merupakan cara pemasaran yang terbaik

Untuk permohonan dan sebarang pertanyaan hubungi kami :

Perkhidmatan Pensijilan Produk FRIM (FRIM PCS)
JKR508, Jalan Jelutong,
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
52109, Kepong, Selangor

pcs@frim.gov.my
Tel: 03-6279 7730/7372/7746
Faks: 03-62701487
Web: <http://pcs.frim.gov.my>



**Perkhidmatan Pensijilan Produk
Kualiti Melangkaui Jangkaan**



FRIM PCS

Perkhidmatan Pensijilan Produk FRIM (FRIM PCS) telah ditubuhkan pada bulan Jun 2013 dan diluluskan melalui kuasa khas Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 18 November 2014 sebagai tambahan Akta 319 Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia.

Pada 12 Disember 2014, FRIM telah berjaya mendapat akreditasi ISO/IEC 17065 (Conformity Assessment - Requirements for Bodies Certifying Products, Processes and Services) daripada Jabatan Standard Malaysia dan diiktiraf sebagai Badan Pensijilan Produk yang ke lapan di Malaysia.

Susulan Pewartaan Akta 782 FRIM pada 1 Oktober 2016, FRIM PCS memainkan peranan yang lebih luas sebagai badan pensijilan produk yang berasaskan hutan dan keluaran hutan.

Matlamat Utama FRIM PCS

- Membantu industri tempatan menghasilkan produk berkualiti secara konsisten.
- Memastikan industri berasaskan kayu memenuhi spesifikasi yang diperlukan dan standard yang ditentukan oleh pihak-pihak berkepentingan dan pengguna, dan ;
- Membantu industri berasaskan kayu dalam pembuatan produk berkualiti yang memenuhi standard seperti yang dituntut oleh pasaran tempatan dan antarabangsa.

MyHijau

FRIM PCS telah menjadi rakan kongsi untuk MyHijau sejak tahun 2016. Terdapat 4 jenis Green Product Certification yang diiktiraf oleh GreenTech di bawah MyHijau Scheme iaitu:

- Green Label Certification (ISO 14024 Type I Eco-Labels)
- Green Label Certification (ISO 14025 Type III Eco-labels)
- Green Label Certification (Other type I-like Voluntary Sustainable Scheme; VSS)
- Performance Standard Compliance

Sebagai badan pensijilan produk perabot yang mempersiapkan produk berdasarkan kepada kepatuhan standard (*performance test on safety requirement*), FRIM telah diiktiraf sebagai rakan kongsi kepada MyHijau Green Mark Certification bagi kategori no. iv

Oleh itu syarikat-syarikat yang telah dipersijilkan oleh FRIM boleh memohon kepada GreenTech untuk disenaraikan sebagai syarikat bawah MyHijau Directory. Terdapat banyak kemudahan yang boleh dimanfaatkan sekiranya syarikat didaftarkan dan boleh menggunakan logo MyHijau pada produk syarikat.

Visi

Menjadi badan pilihan serantau bagi pensijilan, pemeriksaan, pengesahan dan pengujian produk berasaskan hutan menjelang 2025

Objektif

Memacu Industri pembuatan ke arah penghasilan produk berkualiti tinggi secara konsisten untuk pasaran tempatan dan antarabangsa

Misi

Memberi perkhidmatan ujian, pemeriksaan, pengesahan dan pensijilan yang melangkaui jangkaan bagi operasi dan rantai bekalan pelanggan melalui jaminan kualiti

Polisi Kualiti

Kami komited untuk memuaskan hati pelanggan dengan memberi perkhidmatan yang cekap dan dipercayai

Proses Pensijilan Produk

Proses Pensijilan Produk FRIM Bagi Satu Pusingan

- Pertanyaan Pelanggan
- Penerimaan permohonan & Isu sebut harga
- Audit Semakan Dokumen (Peringkat 1)
- Audit Penilaian (Peringkat 2) & Pemilihan Sampel
- Ujian Produk
- Panel Pensijilan
- Penganugerahan Sijil kepatuhan produk
- Audit Pemantauan 1
- Audit Pemantauan 2
- Pensijilan semula

Kami mempersiapkan

Perabot Mudah Alih



Perabot Pasang Siap



Pintu Rintangan Api



Dinding Rintangan Api



Pensahihan Herba (akan datang)



Anggaran kos yang terlibat?

Sila hubungi pcs@frim.gov.my

Contoh Pelekat

